

4th Issue **VOLUME 1 : JULY 2025**

UiTM MUKAH BULLETIN



Inou Dengah UiTM Mukah?

4th Issue | Volume 1 | July 2025



TABLE OF CONTENT

- 01** From Rector's Desk
- 02** From Assistant Rector's Desk
- 03** Chief Editor's Note
- 04** Editorial Board
- 05** Highlights
- 10** News and Articles
- 63** Creative Writing
- 67** Congratulations!
- 74** Thank You
- 75** Happy Retirement!
- 76** Press and Media Coverage

EDITORIAL BOARD

Professor Dr. Firdaus Abdullah
Patron

Dr. Abdul Jabbar Abdullah
Advisor

Mr. Mohd Shafik Hj. Mohd Samsi
Chief Editor

Editors : **Ms. Siti Faridah Kamaruddin**
Ms. Stefanie Natasha Rich Joseph
Ms. Cindy Robert
Ms. Fakhira Jafri
Ms. Shirley Clare Jeri

Mr. Shileyiusken Mijen
Webmaster

Mrs. Irene Seluroh
Layout & Design

Mr. Anas Asrawy Pendapat
Photographer

Ms. Nuranissa Mercy Punai
Internship Trainee

Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 4 July 2025

NEWS AND ARTICLES

FAMILY DAY D'BANKERS: AKTIVITI SERU, SEMANGAT BERSATU

Penulis: Norazimah Mejri & Persatuan D'Bankers

Pada 3 Mei 2025, Persatuan D'Bankers di bawah Fakulti Pengurusan & Perniagaan, UiTM Kampus Mukah telah menganjurkan program *Family Day* D'Bankers. Program ini berlangsung dari 7.30 pagi hingga 5.30 petang bertempat di Gelanggang Bola Jaring, dan Dewan Sri Balau, UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah. Program ini telah dihadiri oleh pelajar program Diploma Perbankan dari semester 1 hingga 5 serta para pelajar program Pra Diploma.



Poster hebahan aktiviti

Objektif utama penganjuran *Family Day* D'Bankers adalah untuk mengeratkan hubungan sesama ahli persatuan, mengukuhkan semangat kerjasama, serta membina kenangan manis dalam kalangan para pelajar dan pensyarah. Dalam suasana yang lebih santai dan mesra, para peserta diberikan peluang untuk berinteraksi, bekerjasama, dan berseronok dengan satu sama lain dalam aktiviti yang menarik sepanjang hari.

Program dimulakan dengan pendaftaran peserta pada pagi hari tersebut, diikuti dengan sukaneka yang melibatkan semua peserta. Aktiviti sukaneka ini bertujuan untuk memupuk semangat berpasukan dan kesihatan fizikal. Setiap kumpulan yang dibentuk bersaing dengan penuh semangat, dan suasana yang ceria serta penuh dengan gelak tawa mencerminkan kegembiraan para peserta sepanjang acara berlangsung.

Selain itu, terdapat juga pelbagai pertandingan berkumpulan yang melibatkan kreativiti dan kerjasama dalam menyelesaikan tugas yang diberikan. Aktiviti-aktiviti ini menggalakkan komunikasi yang baik antara peserta dan memberikan ruang untuk mereka berinteraksi di luar lingkungan akademik.

Salah satu kemuncak program pada hari tersebut ialah sesi pengagihan hadiah-hadiah menarik kepada para peserta yang berjaya memenangi setiap aktiviti. Hadiah-hadiah ini memberi semangat tambahan kepada para peserta untuk memberi yang terbaik dalam setiap cabaran yang dihadapi.

Secara keseluruhan, *Family Day* D'Bankers telah berjaya mencapai objektif utama iaitu memupuk semangat kerjasama dan mengeratkan ukhuwah antara sesama pelajar dan juga pensyarah. Program ini bukan sahaja memberi keseronokan kepada semua peserta tetapi juga memberi peluang untuk mereka mengenali satu sama lain dengan lebih dekat.



Sesi bergambar pada sesi penutupan